

**Malaysia Sedang Lalui Fasa Paling Mencabar Capai Negara Maju - Najib
Bernama
5 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia sedang melalui fasa paling mencabar kini, yang merupakan pusingan terakhir dalam usaha memartabatkan negara, sebagai negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai strategi dan hala tuju yang jelas untuk melalui cabaran itu yang diyakini mampu melonjakkan negara ke kedudukan yang disasarkan.

"Kita tahu bagaimana untuk sampai ke sana. Tapi kita perlu bekerja keras. Fikir secara kreatif untuk sampai ke sana.

"Kita harus memperbaharui azam dan tekad, dengan izin Allah boleh capai impian dan hasrat itu," katanya ketika merasmikan Ekspo MalaysiaKu di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, Jumaat.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

Ekspo tiga hari bertemakan 'Tanah Air yang Dihormati' itu ialah anjuran Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Menyorot kemajuan negara dalam konteks perkembangan ekonomi, Najib berkata Malaysia melalui tiga fasa utama iaitu, fasa mengisi kemerdekaan, fasa pembangunan era industri yang dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru dan fasa ketiga di bawah model baharu ekonomi, di mana Pelan Transformasi Ekonomi dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) diperkenalkan untuk memacu pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata banyak kejayaan membanggakan telah dicipta negara yang bermula dari sebuah negara pertanian dan kemudian menjuarai pengeluaran getah dan kelapa sawit.

"Hari ni kita ada bidang yang sampai pada pengiktirafan global seperti minyak dan gas, hartanah, perbankan Islam dan pusat kewangan, pengeluar dalam bidang seperti sarung tangan, dan terkini muncul sebagai hab IPO ketiga terbesar di dunia," katanya.

Kejayaan itu, kata Najib mampu direalisasikan kerana Malaysia mempunyai kepimpinan politik yang kuat, berkesan dan mempunyai kebijaksanaan untuk membuat keputusan- keputusan yang mendahului zaman yang mendapat sokongan kental daripada penjawat awam.

" Kedua-dua ini merupakan asas kepada kejayaan kita," katanya.

Bagi memastikan kejayaan dan perkembangan negara berjalan seimbang, Najib berkata perhatian turut diberikan kepada soal indeks kesejahteraan rakyat.

Perkara itu, katanya, dilaksanakan dengan membuat penambahbaikan kepada sektor-sektor yang dekat di hati rakyat termasuk perkhidmatan, pengangkutan awam, pencemaran, sisa pepejal dan mengurangkan jenayah.

"Kita bukan kerajaan yang berada di takuk lama dari segi pendekatan dan pemikiran.

"Kita bukan kerajaan yang tidak mahu berubah. Kita boleh berubah, kita boleh buat pembaharuan dan bawa kemajuan sebenar kepada negara," katanya yang menambah kata, pemikiran kreatif amat penting dalam membawa negara menuju kejayaan.

"Perjalanan itu akan berjaya...tapi kita perlu sokongan dan mandat bila tiba masanya," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699924>